

Keberkesanan Sistem Pentaksiran Baharu STPM bagi Mata Pelajaran Perakaunan dari Perspektif
Pelajar Tingkatan Enam
*(The Effectiveness of the New STPM Assessment System from the Perspective of Form Six Students in
Accounting Subjects)*

NOOR LELA AHMAD, ROHAILA YUSOF & ROSMINI ISMAIL

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan sistem pentaksiran baharu STPM bagi mata pelajaran Perakaunan terhadap pencapaian pelajar. Pencapaian pelajar dinilai berdasarkan dua aspek iaitu pencapaian akademik dan kemahiran insaniah mengikut keperluan program transformasi pendidikan yang mengkehendaki pelajar dinilai secara holistik dan menyeluruh ke arah pengajian prauniversiti. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif secara soal selidik bagi mendapatkan data daripada enam puluh orang pelajar tingkatan enam yang mengambil mata pelajaran Perakaunan dari empat buah sekolah di daerah Melaka Tengah. Instrumen kajian diadaptasi dan diubahsuai dari Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah KPT (2006) dan modul Kavanagh dan Drennan (2008) untuk menjawab persoalan kajian. Analisis data menggunakan analisis min, frekuensi dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan sistem pentaksiran baharu memberi kebaikan dan kelebihan kepada pelajar STPM terutama sebagai persediaan ke institusi pengajian tinggi. Kemahiran insaniah seperti kemahiran teknikal, kemahiran teknologi maklumat, kemahiran intelektual, kemahiran interpersonal dan kemahiran personal dapat dipupuk melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran dan kerja kursus yang digunakan oleh guru di dalam dan diluar bilik darjah. Dengan ini, kajian mencadangkan penambahbaikan berterusan dilakukan terhadap sistem pentaksiran baharu STPM supaya berupaya melahirkan pelajar yang cemerlang dan kompetitif.

Kata Kunci: sistem pentaksiran, pendidikan, perakaunan, kemahiran insaniah, pencapaian

ABSTRACT

This study was conducted to identify the effectiveness of STPM new assessment system on student achievement in Accounting subject. Student achievement is assessed on two aspects, namely academic achievement and soft skills according to the needs of education transformation programs that require students to be evaluated holistically towards pre-university education. This quantitative study utilized questionnaire to obtain data from sixty form six students taking accounting subject from four schools in the Central Malacca district. The research instrument was adapted and modified from the KPT's Soft Skills Development Module (2006) and Kavanagh and Drennan Module (2008) to answer the research questions. These data were analyzed using analysis of mean, frequency and standard deviation. The findings showed that the implementation of a new assessment system provides benefits to STPM students especially as a preparation to higher education institutions. Soft skills such as technical skills, information technology skills, intellectual skills, interpersonal skills and personal skills can be nurtured through teaching and learning process and coursework used by teachers inside and outside the classroom. Finally, the study suggests continuous improvements to the new STPM assessment system in order to produce excellent and competitive students.

Keywords: assessment system, education, accounting, soft skills, achievement

PENGENALAN

Malaysia harus menjadi sebuah negara yang bersatu, memiliki masyarakat yang yakin dengan nilai moral dan etika yang kukuh, hidup demokratik, liberal, penyayang, adil serta mempunyai ekonomi yang progresif, makmur, dinamik, giat, kental dan berupaya untuk bersaing (Wawasan 2020 1990-2020). Sehubungan itu, salah satu cabang bagi mencapai wawasan negara, transformasi pendidikan dilakukan dari semasa ke semasa. Transformasi pendidikan ini membawa banyak kebaikan kepada pelajar kerana ia merupakan satu tindakan pembaharuan yang dilakukan untuk mendatangkan sesuatu hasil yang lebih baik supaya dapat melahirkan pelajar yang memiliki kemahiran yang diperlukan oleh industri serta pakar dalam bidang yang diceburi (Parkay & Stanford 2010; Ahmad & Mohd Rhouse 2016).

Rombakan yang berlaku pada tahun 2012 dalam sistem pentaksiran dan penilaian STPM memberi harapan baru kepada pelajar untuk mendapat yang pendidikan yang terbaik dari sistem pendidikan negara (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian 2009). Pembaharuan yang dikenali sebagai sistem pentaksiran baharu STPM ini dapat menerapkan pendidikan ala kampus iaitu penilaian berasaskan hasil atau 'Outcome based education' untuk melahirkan modal insan yang cemerlang (Ahmad Esa et al. 2005). Usaha kerajaan ini membolehkan pelajar lebih fokus dan memperbaiki pencapaian mereka serta dapat mengurangkan kaedah lebih berorientasikan peperiksaan (Majlis Peperiksaan Malaysia 2012). Transformasi tersebut mendedahkan pelajar dalam dunia pendidikan prauniversiti atau ala kampus, yang mana 20% hingga 40% dikendalikan secara Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) manakala 60% hingga 80% peperiksaan berpusat yang dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.

LATAR BELAKANG

Sistem pendidikan di Malaysia menjadi pemacu kepada peningkatan produktiviti negara dan pembangunan modal insan menyokong pengalaman pembelajaran sepanjang hayat yang bermula dari pendidikan awal kanak-kanak hinggalah kepada pendidikan tertiar dan peringkat pendidikan pasca-siswazah (Nik Pa & Idris 2008). Ini selaras dengan transformasi sistem pentaksiran baharu STPM dalam menerapkan kemahiran insaniah dalam kurikulum kepada pelajar tingkatan enam bagi melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi dan kompeten untuk bersaing dalam persekitaran kerjaya (Majlis Peperiksaan Malaysia 2012).

Terdapat beberapa masalah yang timbul dalam pengajian tingkatan enam sebelum tahun 2012 yang menyebabkan transformasi dilakukan untuk kebaikan pelajar. Menurut sistem yang lama, penilaian pelajar hanya tertumpu kepada penilaian berasaskan peperiksaan iaitu pelajar akan menduduki peperiksaan selepas satu setengah tahun pengajian (Shaari 2011). Cara ini membebaskan pelajar kerana mereka dinilai bermula dari tahun pertama sesi persekolahan dan hanya berorientasikan peperiksaan, yang mana keseluruhan pencapaian pelajar adalah berpandukan peperiksaan berpusat (Majlis Peperiksaan Malaysia 2012). Manakala, pentaksiran baharu menentukan keputusan keseluruhan peperiksaan STPM berdasarkan gabungan keputusan terbaik bagi ketiga-tiga penggal. Jadi, dengan cara ini, pelajar dapat melihat dan seterusnya memperbaiki keputusan mereka pada penggal akhir (Majlis Peperiksaan Malaysia 2012).

Selain itu, sistem pendidikan tidak secara menyeluruh dan holistik iaitu pelajar hanya dinilai dalam aspek akademik sahaja tanpa perlu menilai aspek lain seperti nilai murni, kemahiran dan pemikiran (Nik Pa & Idris 2008). Aspek kemahiran insaniah yang merupakan aspek penting pada masa kini seperti kemahiran teknikal, kemahiran teknologi maklumat, kemahiran intelektual, kemahiran interpersonal dan kemahiran personal (Glenda 2008; RMK10, Jabatan Perdana Menteri 2011-2015). Kemahiran-kemahiran tersebut amat berguna bagi pelajar STPM sebagai asas sebelum memasuki alam pengajian di IPTA atau IPTS namun menerusi sistem lama yang lebih berorientasi peperiksaan, kemahiran tersebut tidak dititikberatkan (Shaari 2011). Oleh itu, perkara tersebut harus diterapkan di dalam kurikulum tingkatan enam serta diambil berat supaya pelajar memiliki kemahiran yang diperlukan oleh majikan dan dapat mengaplikasikannya dalam kerjaya dan kehidupan (Parkay dan Stanford 2010).

Peringkat STPM sinonim dengan peringkat pengajian yang kompleks bagi pelajar lepasan SPM kerana peringkat ini terikat dengan jadual dan peraturan sekolah. Jadi, mereka lebih berminat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma atau matrikulasi setelah terikat dengan sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (Esa et al. 2005). Ini disebabkan pelajar menginginkan suatu pembaharuan supaya masa depan mereka terjamin (Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020). Tanggapan para pelajar bahawa pengajian STPM ini merupakan pengajian yang sukar berbanding pengajian di peringkat diploma atau matriks menyebabkan pelajar lebih cenderung untuk tidak menyambung pengajian mereka di peringkat STPM (Shaari 2011). Oleh itu, pembaharuan ini di lakukan

untuk meningkatkan semula kualiti pengajian agar dapat menarik lebih ramai pelajar memasuki pengajian STPM (Annamalai et al. 2012).

Di samping itu, dalam sistem lama pengajian STPM lebih cenderung menumpukan penilaian berasaskan peperiksaan menyebabkan pelajar tertumpu kepada buku, rujukan, pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam kelas serta isu-isu semasa (Omar & Mat Ali 2006). Kandungan kurikulum yang padat mengakibatkan pelajar memikul beban yang banyak sepanjang pengajian mereka (Azmi 2010; Kavanagh & Drenan 2008). Ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan keputusan STPM kurang baik kerana terdapat sebilangan pelajar tidak boleh mengikuti silibus pelajaran dengan cepat berbanding pelajar yang lebih bijak dan mudah memahami tentang apa yang dipelajarinya (Omar & Mat Ali 2006). Bagi tahun 2010, keputusan STPM berlaku kemerosotan iaitu hanya 92.49% lulus, manakala bagi subjek perakaunan merupakan salah satu subjek yang menunjukkan penurunan prestasi. Melalui penaksiran baharu menjadikan silibus tingkatan enam lebih menarik dan lebih ramai pelajar berminat mengikutinya kerana beban mereka terhadap kandungan kurikulum adalah kurang serta skop pengajian setiap penggal adalah pada skala yang kecil (Majlis Peperiksaan Malaysia MPM).

Oleh itu, sistem pentaksiran baharu STPM perlu ditambahbaik bagi meningkatkan pengetahuan, keupayaan untuk mencipta, berkemahiran tinggi dan terapkan nilai etika mulia pelajar dalam bidang perakaunan (Sukatan Pelajaran Perakaunan STPM 2012). Perkara ini dilaksanakan bagi mencapai matlamat pengajian iaitu membolehkan pelajar meneruskan pengajian ke peringkat pengajian tinggi serta mengaplikasikannya dalam perubahan persekitaran ekonomi dan perkembangan semasa (Sukatan Pelajaran Perakaunan STPM 2012). Oleh itu, berdasarkan kepada permasalahan dan isu-isu yang dibincangkan di atas, kajian ini bertujuan menjawab dua persoalan di bawah:

1. Apakah kelebihan sistem pentaksiran baharu STPM dari perspektif pelajar perakaunan?
2. Apakah kebaikan sistem pentaksiran baharu STPM terhadap pembangunan kemahiran insaniah dari perspektif pelajar perakaunan?

CABARAN DAN KEBERKESANAN SISTEM PENTAKSIRAN BAHARU STPM

Bermula daripada sistem pentaksiran berasaskan peperiksaan, kurikulum tingkatan enam kini berubah kepada sistem pentaksiran baharu STPM

yang merangkumi Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) dan penilaian berasaskan peperiksaan bagi memberi pendidikan yang lebih baik kepada pelajar (Majlis Peperiksaan Malaysia 2012). Pembaharuan ini dilakukan selari dengan matlamat Program Transformasi Pendidikan (ETP 2010) yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan mutu pengajian tingkatan enam serta memantapkan sistem penilaian agar lebih holistik dan tidak membebankan pelajar (Majlis Peperiksaan Malaysia 2012). Keberkesanan sistem baharu ini dapat dilihat melalui pencapaian pelajar STPM baharu sejajar dengan perubahan yang efektif dalam pendidikan tinggi (Hamzah & Abdullah 2009). Transformasi yang berlaku ini, bukan sahaja dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar, malah pelajar juga dipupuk dengan nilai murni serta menerapkan kemahiran insaniah atau 'soft skill' (Ahmad & Mohd Rhouse 2016; Shaari 2011).

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Perakaunan STPM (2012), transformasi tersebut dilakukan agar pelajar terdedah dengan suasana universiti dan sebagai landasan pertama untuk melanjutkan pelajaran ke menara gading. Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) dilakukan dalam rombongan untuk menyangkal andaian sesetengah pihak menyatakan STPM sukar lulus serta membebankan pelajar dan menjawab soalan daripada sukatan mata pelajaran sepanjang pengajian (Hamzah & Abdullah 2009). Pentaksiran berasaskan sekolah dilakukan berdasarkan kerja kursus yang meliputi tugas amali, kajian luar dan tugas bertujuan untuk menjana modal insan cemerlang (Azmi 2010; Klibi & Qussi 2013). Dengan cara ini, pentaksiran akan berjalan dengan berkesan dan efektif kerana pelajar bukan sahaja melibatkan diri di dalam kelas sahaja tetapi mengaplikasikan apa yang dipelajari di dalam kelas kepada situasi sebenar (Kauchak & Eggen 2011; Pascarella 2005). Menurut Glenda (2008), kerja amali ini begitu penting untuk menilai kebolehan pelajar dalam menguasai kemahiran-kemahiran insaniah yang dalam mata pelajaran yang dipelajari. Kerja projek yang perlu dilakukan oleh pelajar STPM mulai tahun 2012 adalah tugas yang wajib dilakukan oleh pelajar untuk mendapat keputusan secara keseluruhan bagi pentaksiran berasaskan sekolah (MPM 2012). Ini bermakna sistem ini berkait rapat dengan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS), yang mana mempunyai kelebihan dalam pendidikan Malaysia pada masa akan datang.

Dengan itu, pentaksiran dan penilaian mempunyai hubungan yang erat dalam kualiti pendidikan di negara Malaysia ini. Justeru, untuk memastikan kualiti pendidikan di negara ini berada pada tahap yang tinggi, pentaksiran dan penilaian perlu

dilakukan secara berterusan (Hamzah & Abdullah 2009). Pentaksiran berasaskan sekolah merupakan salah satu pentaksiran secara berterusan yang bukan sahaja fokus kepada pencapaian akademik sahaja malahan kepada pembangunan sahsiah diri dan modal insan yang berkualiti (Ahmad & Mohd Rhouse 2016). Ini adalah salah satu cara memantapkan sistem penilaian agar lebih holistik dan tidak membebankan pelajar dengan hanya fokus kepada peperiksaan sahaja (Pascarella 2005). Selain itu, pentaksiran berasaskan sekolah adalah sama dengan pentaksiran berasaskan situasi iaitu melibatkan kehidupan sebenar (Ahmad Anuar & Esa 2010). Jadi, pembelajaran secara tidak langsung dapat dilakukan di samping memberikan kemahiran, pengetahuan, dan memperkembangkan potensi pelajar (Nitin & Mamta 2012; Ahmad et al. 2005).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan untuk mengenal pasti keberkesanan sistem pentaksiran baharu terhadap pencapaian akademik dan kemahiran insaniah pelajar bagi mata pelajaran perakaunan peringkat STPM.

Kaedah tinjauan dapat memberi gambaran tentang populasi yang ingin dikaji kerana hanya menggunakan sebilangan populasi sebagai sampel kajian (Marican 2006). Pemilihan sampel dibuat secara rawak daripada sesuatu populasi yang dikenalpasti (Gay et al. 2008). Sampel kajian terdiri daripada enam puluh orang pelajar STPM dari 4 buah sekolah di daerah Melaka Tengah yang mengambil mata pelajaran perakaunan. Dapatan kajian dikumpul menggunakan instrumen soal selidik yang diubahsuai dan diadaptasi dari Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah KPT (2006) dan kajian Kavanagh dan Drennan (2008). Instrumen soal selidik terdiri daripada 3 bahagian iaitu Bahagian A, B dan C. Bahagian A mengandungi maklumat berkaitan demografi, bahagian B mengandungi konstruk soalan berkaitan kesan sistem pentaksiran baharu STPM terhadap pencapaian akademik dan bahagian C mengandungi konstruk soalan berkaitan impak sistem pentaksiran baharu STPM terhadap kemahiran insaniah. Bahagian B dan C terdiri daripada soalan yang dbina berdasarkan skala likert 5 mata dan responden diminta untuk menyatakan kekuatan pandangan mereka. Kajian rintis telah dijalankan untuk mendapatkan darjah kebolehppercayaan dan mengukur

Jadual 1. Kelebihan Sistem Pentaksiran Baharu STPM Terhadap Pencapaian Pelajar (Nilai Min Tertinggi)

No. Item	Penyataan	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan Piawai
10	Situasi yang mengandungi masalah yang perlu diselesaikan mampu mencabar kebolehan saya.	6.7	1.7	28.3	55.0	8.3	3.57	0.927
5	Sistem baharu yang digunakan di dalam pengajian STPM, membantu saya dalam menguasai isi pelajaran yang lebih berkesan	11.7	15.0	46.7	20.0	5.0	3.42	4.014
8	Sistem yang digunakan mampu membantu saya untuk berfikir pada aras yang tinggi.	1.7	8.3	46.7	28.3	5.0	3.37	0.780
6	Saya memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam menerusi kerja kursus yang disediakan.	3.3	13.3	35.0	45.0	3.3	3.32	0.873

ketepatan konsisten instrumen (Johnson & Christensen 2007). Nilai pekali *Alpha Cronbach* yang diperoleh adalah 0.871 bagi konstruk item bahagian B dan bahagian C nilai diperoleh adalah 0.931 iaitu kedua-dua item berada pada tahap kebolehpercayaan yang baik. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan inferensi bagi menjawab kesemua persoalan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Apakah kelebihan sistem pentaksiran baharu STPM dari perspektif pelajar perakaunan?

Data dianalisis menggunakan analisis min, frekuensi dan sisihan piawai bagi mendapatkan data berkaitan kelebihan sistem pentaksiran baharu STPM daripada persepsi pelajar.

Jadual 1 menunjukkan dapatan kajian berdasarkan urutan min tertinggi kepada terendah bagi

memaparkan kelebihan sistem pentaksiran baharu STPM. Hasil analisis data mendapati nilai min yang paling tinggi adalah pada item 10 iaitu "*Situasi yang mengandungi masalah yang perlu diselesaikan mampu mencabar kebolehan saya*" dengan nilai min 3.57. Bagi item yang mendapat nilai min kedua tertinggi ialah item 5 "*Sistem baharu yang digunakan di dalam pengajian STPM, membantu saya dalam menguasai isi pelajaran yang lebih berkesan*" dan diikuti item ke 8 diletakkan ketiga tertinggi iaitu "*Sistem yang digunakan mampu membantu saya untuk berfikir pada aras yang tinggi*". Seterusnya item 6 "*Saya memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam menerusi kerja kursus yang disediakan*" merupakan item keempat tertinggi. Walaubagaimanapun kurang daripada 10% pelajar yang memilih "sangat setuju" (SS) bagi keempat-empat item ini dan hanya 20% hingga 55% sahaja pelajar yang memilih "setuju" (S) bagi empat item ini.

Jadual 2
Kelebihan Sistem Pentaksiran Baharu STPM Terhadap Pencapaian Pelajar
(Nilai Min Sederhana)

No. Item	Penyataan	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan Piawai
7	Sistem pentaksiran baharu STPM mampu meningkatkan motivasi kerja kursus saya untuk terus belajar.	3.3	11.7	41.7	38.3	5.0	3.30	0.869
4	Situasi yang relevan dengan masalah sebenar melaksanakan projek menarik perhatian saya untuk mendalami subjek perakaunan.	6.7	10.0	46.7	31.7	5.0	3.18	0.930
9	Struktur sistem ini membolehkan pelajar memberi tumpuan terhadap apa yang ingin dicapai dalam proses pembelajaran.	1.7	16.7	50.0	26.7	5.0	3.17	0.827
3	Sistem yang digunakan mampu menarik perhatian saya untuk terus belajar.	11.7	8.3	46.7	28.3	5.0	3.07	1.023

Jadual 2 di atas memaparkan data kajian yang mempunyai nilai min yang sederhana iaitu antara julat min 3.0-3.30. Oleh itu, dapatan menunjukkan bahawa

kesemua item ini dilihat sebagai memberi kelebihan yang sederhana dalam sistem pentaksiran baharu STPM berbanding sistem lama yang digunakan. Hanya

5% pelajar sahaja yang memilih skala “sangat setuju” (SS) bagi keempat-empat item dan 20% hingga 38% pelajar yang memilih skala “setuju” (S) untuk kesemua

item ini. Manakala antara 40-50% pelajar yang memilih skala “kurang setuju” (KS) bagi item ini.

Jadual 3. Kelebihan Sistem Pentaksiran Baharu STPM Terhadap Pencapaian Pelajar (Nilai Min Terendah)

No. Item	Penyataan	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan Piawai
2	Sistem pentaksiran baharu yang digunakan mampu meningkatkan keyakinan diri saya bagi menghadapi kerjaya pada masa hadapan.	11.7	15.0	48.3	20.0	5.0	2.92	1.013
11	Perjalanan sistem ini membolehkan pelajar lebih faham apa yang dipelajari.	11.7	20.0	50.0	13.3	5.0	2.80	0.988
12	Sistem baharu ini senang diikuti oleh pelajar.	30.0	18.3	40.0	8.3	3.3	2.37	1.104
1	Saya pernah mengalami situasi pembelajaran yang sama sepertimana di dalam sistem pentaksiran baharu.	25.0	33.3	26.7	15.0	0	2.32	1.017
Mean Keseluruhan					3.0653			

Berdasarkan jadual 3 di atas memaparkan skala min yang rendah, yang mana berada dalam nilai min 2.00 hingga 3.00 yang menunjukkan responden lebih cenderung kepada pandangan tidak setuju dan kurang setuju kepada kontruk item. Bagi item satu iaitu “*Saya pernah mengalami situasi pembelajaran yang sama sepertimana di dalam sistem pentaksiran baharu*” mendapat nilai min yang paling rendah berbanding item yang lain iaitu 2.32. Tiada responden yang menyatakan darjah persetujuan bagi skala “sangat setuju” (SS) untuk item ini. Manakala, kedua terendah ialah item ke 12 iaitu “*Sistem baharu ini senang diikuti oleh pelajar*” dan hanya 3.3% pelajar yang memilih skala “sangat setuju” (SS). Seterusnya item sebelas “*Perjalanan sistem ini membolehkan pelajar lebih faham apa yang dipelajari*” merupakan item ketiga terendah dan 5.0% pelajar yang memilih “sangat setuju” (SS) untuk item ini. Item dua “*Sistem pentaksiran baharu yang digunakan mampu meningkatkan keyakinan diri saya bagi menghadapi*

kerjaya pada masa hadapan” merupakan item keempat terendah dengan 5% pelajar memilih “sangat setuju” (SS). Walaubagaimanapun, kebanyakan nilai peratus yang paling tinggi adalah pada skala “kurang setuju” (KS). Maka, ramai pelajar memberikan persepsi yang “kurang setuju” (KS) dengan sistem pentaksiran baharu STPM. Hanya beberapa orang pelajar yang setuju dengan sistem baharu ini. Pelajar juga didapati kurang jelas dan tidak mempunyai cukup maklumat berkaitan kebaikan sistem pentaksiran baharu, yang mana jauh berbeza dengan sistem pentaksiran yang lama.

Apakah kebaikan sistem pentaksiran baharu STPM terhadap pembangunan kemahiran insaniah dari perspektif pelajar perakaunan?

Bagi menjawab persoalan kajian di atas, analisis data dibuat menerusi analisis deskriptif iaitu analisis min, frekuensi dan sisihan piawai bagi mengetahui kesan sistem pentaksiran baharu STPM terhadap kemahiran insaniah pelajar.

Jadual 4. Kebaikan Sistem Pentaksiran Baharu STPM Terhadap Pembangunan Kemahiran Insaniah (Nilai Min Tertinggi)

No. Item	Penyataan	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan Piawai
9	Kebolehan mengenali dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain.	3.3	3.3	13.3	66.7	13.3	3.83	0.827
8	Kebolehan membina hubungan baik, berinteraksi dan bekerja secara efektif bersama dalam menyiapkan tugas.	1.7	5.0	23.3	55.0	15.0	3.77	0.831
7	Kebolehan menganalisis dan membuat keputusan dalam penyelesaian masalah berkaitan tugas yang diberikan.	1.7	1.7	46.7	43.3	6.7	3.52	0.725

Berdasarkan jadual di atas, nilai min yang tertinggi bagi kebaikan sistem pentaksiran baharu STPM terhadap pembangunan kemahiran insaniah diperoleh oleh item 9 iaitu *“Kebolehan mengenali dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain”*, dengan 66.7% memilih skala persetujuan “setuju” (S) dan 13.3% memilih skala persetujuan “sangat setuju” (SS). Nilai min kedua tertinggi bagi kebaikan sistem pentaksiran baharu STPM ini adalah item 8 iaitu *“Kebolehan membina hubungan baik, berinteraksi dan bekerja secara efektif bersama dalam menyiapkan tugas”* dengan 55% pelajar memilih skala “setuju” (S) dan 15% pelajar memilih skala “sangat setuju” (SS). Seterusnya item ketiga tertinggi menurut kedudukan min ialah item 7 yang mendapat 43.3 peratus pada skala persetujuan “setuju” (S) dan 6.7% “sangat setuju” (SS).

Jadual 5 memaparkan data yang menunjukkan kebaikan pentaksiran baharu STPM kepada pelajar dari aspek kemahiran insaniah yang

berada pada tahap sederhana dan memperoleh nilai min antara julat 3.42-3.48. Analisis dapatan mendapati item 2 *“Kebolehan mengembang dan membaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan”* memperoleh 41.7% untuk skala “setuju” (S) dan 8.3% pada skala “sangat setuju” (SS) dengan min 3.48. Seterusnya 46.7% pelajar memilih “setuju” (S) dan 5.0% memilih skala “sangat setuju” (SS) bagi item 12 (min=3.48) iaitu *“Kebolehan mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber”*. Manakala item 10 *“Kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis”* memperoleh 45% untuk skala “setuju” (S) dan 1.7% pada skala “sangat setuju” (SS) dengan min 3.42. Seterusnya, item 11 *“Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklum balas”* dan item 5 *“Kebolehan untuk memimpin kerja projek atau kerja kursus”* masing-masing memperoleh min 3.40 dan 3.38.

Jadual 5. Kelebihan Sistem Pentaksiran Baharu STPM Terhadap Pembangunan Kemahiran Insaniah (Nilai Min Sederhana)

No. Item	Penyataan	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan Piawai
2	Kebolehan mengembang dan memperbaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan.	1.7	6.7	41.7	41.7	8.3	3.48	0.813
12	Kebolehan mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber.	3.3	1.7	43.3	46.7	5.0	3.48	0.770
10	Kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis.	1.7	3.3	48.3	45.0	1.7	3.42	0.671
11	Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklum balas.	1.7	6.7	46.7	40.0	5.0	3.40	0.764
5	Kebolehan untuk memimpin kerja projek atau kerja kursus.	3.3	6.7	45.0	38.3	6.7	3.38	0.846

Jadual 6 memaparkan item yang mendapat min pada tahap rendah yang menunjukkan sistem pentaksiran baharu STPM hanya memberi sedikit kebaikan kepada pembangunan insaniah pelajar. Dapatan mendapati item 1 iaitu “Kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur; serta membuat penilaian yang berjustifikasi” memperoleh nilai min yang paling rendah (min=3.15) dengan hanya 25% memilih “setuju” (S) dan 3.3% “sangat setuju” (SS) dan 58.3% memilih “kurang

setuju” (KS). Manakala, item 4 “Pengetahuan tentang teori asas kepimpinan” dan item 6 “Kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua pasukan dan anggota pasukan” mendapat nilai min yang sama iaitu iaitu 3.37, yang mana bagi item 4, 45% pelajar “setuju” (S) dan 6.7% “sangat setuju” (SS) terhadap item ini. Manakala bagi item 6 seramai 43.3% pelajar memilih skala “setuju” (S) dan 5.0% memilih skala “sangat setuju” (SS) terhadap pernyataan ini.

Jadual 6. Kebaikan Sistem Pentaksiran Baharu STPM Terhadap Pembangunan Kemahiran Insaniah (Nilai Min Terendah)

No. Item	Penyataan	STS (%)	TS (%)	KS (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan Piawai
4	Pengetahuan tentang teori asas kepimpinan.	1.7	18.3	28.3	45.0	6.7	3.37	0.920
6	Kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua pasukan dan anggota pasukan.	1.7	13.3	36.7	43.3	5.0	3.37	0.843
1	Kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur, serta membuat penilaian yang berjustifikasi.	3.3	10.0	58.3	25.0	3.3	3.15	0.777
Min keseluruhan					3.4694			

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Sistem pentaksiran baharu STPM didapati memberi manfaat kepada pelajar kerana terdapat pembaharuan yang positif dalam sistem penilaian STPM daripada pentaksiran berasaskan peperiksaan kepada pentaksiran secara holistik yang merangkumi aspek pencapaian akademik dan kemahiran insaniah. Hasil analisis data memaparkan bahawa terdapat kelebihan dan kebaikan yang diperolehi pelajar menerusi sistem taksiran baharu namun terdapat juga dapatan yang menunjukkan pelajar kurang bersetuju dengan pelaksanaan sistem ini. Pentaksiran secara holistik membolehkan penilaian dibuat daripada sudut yang berbeza iaitu dari aspek akademik dan kemahiran insaniah (Parkay & Stanford 2010). Pelajar perlu menguasai kemahiran-kemahiran tertentu agar bersiap sedia dan berjaya untuk menempuhi alam pembelajaran dan seterusnya ke alam pekerjaan (Wells et al. 2009; Hamzah & Abdullah 2009). Penerapan kemahiran insaniah dapat dijalankan melalui pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran oleh guru (DeLange et al. 2006). Aktiviti yang dijalankan di dalam kelas juga berupaya menerapkan kemahiran yang diperlukan oleh pelajar (Nitin & Mamta 2012). Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar bersetuju bahawa guru-guru menerapkan kemahiran insaniah sepanjang pengajaran dan pembelajaran

di dalam kelas. Tugas diberikan melalui aktiviti berkumpulan, pembelajaran koperatif, perbincangan serta pembentangan. Pendekatan penerapan kemahiran insaniah di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran ini merupakan perkara penting yang perlu ada dalam pengajian prauniversiti agar apabila pelajar melanjutkan pelajaran ke universiti, mereka tidak kekok dengan perkara tersebut seperti dinyatakan oleh Annamalai et al., (2012) dan Will et al., (2006).

Berikutnya, data yang dianalisis menunjukkan pelajar berpandangan bahawa kerja kursus yang digunakan dalam sistem penaksiran baharu membantu mereka memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam. Oleh itu, pelaksanaan kerja kursus memberi kelebihan kepada pelajar dalam memahami sesuatu perkara dan turut disokong melalui kajian Klibi dan Qussi (2013). Ini kerana tugas yang diberikan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman pelajar tentang apa yang dipelajari dan bukan hanya semata-mata pengajaran berorientasikan guru sahaja. Dapatan ini adalah selari dengan kajian Kauchak dan Eggen (2011) menyatakan kerja amali yang dilaksanakan oleh pelajar dapat membantu pemahaman terhadap pelajaran dan meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Seterusnya pelajar menyatakan bahawa melalui sistem pentaksiran baharu ini membolehkan mereka menyelesaikan masalah berdasarkan kemampuan

mereka sendiri, mencari idea baru, lebih inovatif dan mencari penyelesaian alternatif. Ini merupakan satu kaedah pendidikan yang dapat diberikan kepada pelajar agar mereka dapat menyelesaikan masalah berdasarkan situasi yang dihadapi. Kemahiran penyelesaian masalah turut ditekankan menerusi kajian Kamrin dan Noordin (2008), menyatakan penyelesaian masalah adalah satu kemahiran penting kerana dalam konteks pendidikan, penyelesaian masalah merupakan proses berfikir yang diperlukan untuk menangani masalah harian. Kemahiran penyelesaian masalah ini turut ditekankan oleh Gray dan Collison (2002) yang menyatakan pelajar perlu membina keupayaan diri menjadi kreatif dan reflektif serta berupaya menggunakan maklumat mengikut kesesuaian semasa.

Selain itu, pelajar turut menyenaraikan kemahiran berfikir secara kritis sebagai satu kemahiran yang penting yang dapat diterapkan melalui sistem penaksiran baharu. Sebagaimana dinyatakan menerusi kajian Kamrin dan Noordin (2008), iaitu kemahiran berfikir secara kritis merupakan kemahiran yang penting dalam proses pembentukan ciri-ciri warga negara yang maju selaras dengan hasrat kerajaan menerusi Wawasan 2020. Proses penyelesaian masalah menggalakkan pelajar berfikir secara kreatif dan kritis (KBKK) amat diperlukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah juga selari dengan kajian Kavanagh dan Drennan (2008) dan Idris et al. (2009). KBKK merupakan salah satu kemahiran insaniah yang dipupuk samada di peringkat sekolah mahupun universiti (Annamalai et al. 2012).

Melalui sistem pentaksiran baharu STPM, kemahiran insaniah turut diterapkan melalui aktiviti diluar sekolah seperti khidmat masyarakat dan aktiviti dalam kajian lapangan. Perkara ini merupakan satu transformasi pendidikan yang positif untuk pelajar STPM supaya pelajar kompeten dan menguasai kemahiran yang diperlukan (Glenda 2008). Dapatan ini selari dengan kajian Legget et al. (2004) dan Milner et al. (2008) yang mencadangkan supaya pelajar diperkenalkan dengan pembelajaran di luar bilik darjah, terlibat dengan aktiviti sebenar supaya mereka berupaya untuk bersaing dalam dunia yang kompetitif dan menyumbang kepada pembangunan negara. Tambahan lagi, pelajar menyatakan bahawa menerusi sistem pentaksiran baharu ini mendidik mereka dengan elemen menghormati dan memahami sikap dan kepercayaan orang lain serta belajar bekerja secara berkumpulan (Idris et al. 2009; Parkay & Stanford 2010). Dapatan kajian juga selari dengan kajian yang dilakukan oleh Milner dan Hill (2008) menyatakan menerusi kerja berpasukan membolehkan kita menghormati pandangan, tingkah laku dan budaya

rakan sepasukan.

Walaubagaimanapun, dapatan yang diperolehi dalam kajian ini juga ada menyatakan kelemahan sistem pentaksiran baharu yang dapat dikenalpasti menerusi respon pelajar terhadap item soalan. Sistem ini menjadi beban kepada pelajar apabila mereka perlu mengikuti kurikulum yang penuh seperti pelajar sekolah biasa. Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) telah menyatakan bahawa peruntukan waktu pengajaran adalah sama tetapi bagi pelajar tingkatan enam perlu menjalani aktiviti sekolah, program khidmat masyarakat serta pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Majlis Peperiksaan Malaysia 2012). Selain itu, silibus yang padat untuk diselesaikan dalam tempoh masa tertentu walaupun kandungan kurikulum adalah kurang berbanding sistem lama kerana sistem baharu STPM dibahagikan kepada 3 penggal mirip pengajian universiti (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian 2009).

Kemahiran insaniah merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang berkaitan dengan penguasaan kemahiran seperti kepimpinan, kerjasama, berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia 2013). Semua aspek-aspek tersebut ada terkandung dalam dapatan yang diperolehi daripada kajian ini, yang mana semua responden bersetuju bahawa sistem pentaksiran baharu STPM dapat menerapkan semua elemen tersebut. Sistem pentaksiran baharu STPM ini memerlukan kedua-dua elemen bagi mewujudkan peningkatan pencapaian pelajar yang bukan sahaja berjaya dalam bidang akademik mereka sahaja tetapi perlu seimbang dengan kemahiran insaniah yang perlu ada dalam diri pelajar bagi melahirkan pelajar yang berkebolehan dan membangunkan modal insan kelas pertama (Omar & Mat Ali 2006). Perubahan yang dijalankan dalam pengajian tingkatan enam perlu diambil secara positif bagi membolehkan pelajar dan guru mendapat kelebihan daripada transformasi yang dilakukan agar berjaya dan mencapai matlamat pendidikan negara serta berupaya bersaing dalam arus globalisasi (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013; Klibi dan Qussi 2013).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, sistem pentaksiran baharu STPM ini memberi kesan yang positif kepada sistem pendidikan negara dan kebaikan kepada pelajar. Perubahan yang dilakukan adalah untuk membangunkan pelajar menjadi individu yang dapat membangunkan negara pada masa akan datang iaitu seimbang dan harmonis dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Namun, beberapa langkah perlu diambil supaya sistem baharu ini dapat

diteruskan serta diterima oleh semua pihak yang terlibat dalam menjayakan transformasi pendidikan tingkatan enam sebagai pengajian prauniversiti dan matlamat sistem ini juga akan tercapai dengan jayanya.

RUJUKAN

- Shaari, A. S (2011). *Pedagogi dari Sekolah ke Institut Pendidikan Tinggi*. Penerbit Universiti Utara Malaysia. Sintok.
- Esa, A., Mohd Yunus, J. & Kaprawi, N. (2005). Persepsi Pensyarah Terhadap Penerapan Kemahiran Komunikasi Menerusi Kokurikulum di Politeknik. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, Jilid 7. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ahmad Anuar, A. & Esa, A. (2010). Penerapan Kemahiran Insaniah di Pusat Giat Mara (PGM): Satu Analisis Perbandingan. dalam. Esa, A. & Mustafa, M.Z. (Ed). *Kemahiran Insaniah: Kajian di Institusi-Institusi Pengajian*. Batu Pahat: Penerbit UTHM. 1-19.
- Ahmad, N. & Mohd Rhouse, S. (2016). Kemahiran Profesional Graduan Perakaunan: Antara Jangkaan Majikan dan Keperluan Pelajar dalam Kurikulum Perakaunan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 41(1): 7-17.
- Annamalai, M., Othman, A. T. & Abdullah, A. G. K. (2012). *Pengaruh Sokongan Keluarga dalam Penglibatan Kokurikulum Sekolah Terhadap Pencapaian Kemahiran Insaniah Murid*. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012. 7-8 Oktober 2012. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. (2009). *Garis Panduan Tingkatan Enam*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- De Lange, P., Jackeling, B. & Gut, A. (2006). Accounting graduates' perceptions of skills emphasis in Australian undergraduate accounting courses: an investigation from two Victorian universities. *Accounting and Finance* 46: 365-386.
- Gay, L. R., Mills, G. & Airasian, P. W. (2008). *Educational Research, Competencies for Analysis and Applications*. New Jersey, United States: PTS Professional.
- Glenda K. T. (2008) *A Study Of Soft Skills For It Workers In Recruitment Advertising*. Doctor of Philosophy, Capella University.
- Hamzah, M.S.G. & Abdullah, S.K. (2009). Generic Skills Needed to Produce Human Capital with "First Class Mentality". *European Journal of Social Sciences* – 10(1):102-110.
- Idris, R, Ariffin, S. R. & Mohd Ishak, N. (2009). *Pengaruh Kemahiran Generik dalam Kemahiran Pemikiran Kritis, Penyelesaian Masalah dan Komunikasi Pelajar*. UKM. Bangi.
- Johnson, R. B. & Christensen, L. B. (2007). *Educational Research: Quantitative, Qualitative and Mixed Approaches (third edition)*. California, United States: Publications Inc.
- Kamarul A. J. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. Satu Kajian Kes*. Tesis PhD. UKM.
- Kauchak, D., & Eggen, P. (2011). *Introduction to teaching: Becoming a professional* (4th Edition). Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education.
- Kavanagh, M.H. & Drenan, L. (2008). What skills and attributes does final year accounting graduate need? Evidence from students perceptions and employers expectations. *Accounting and Finance*. 48: 279-300.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2013). *Indikator Pengajian Tinggi Malaysia 2009-2013* <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/awam/statistik/2013/76-indikator-pengajian-tinggi-malaysia-2013/file>
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Omar, K. & Mat Ali, S.N (2006). *Kemahiran generik kearah pengukuhan modal insan kelas global*. dibentangkan di: National Student Development Conference (NASDEC). 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Legget, M., Kinnear, A., Boyce, M. & Bennet, I. (2004). Student and staff perceptions of the importance of generic skills in science. *Higher Education Research & Development* 23(3): 295-312.
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (2012). *Sistem Pentaksiran Baharu STPM*. Gombak. Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Marican. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves. Selangor: Edusystem Sdn Bhd.
- Mitchell, D. (2004). *Qualities of An Innovator*. New York: Idea Champions.
- Milner, M. M. & Hill, W.Y. (2008). Examining the skills debate in Scotland. *International Journal of Management Education*. 2: 23-40.
- Kamrin, S. & Noordin, S. (2008). *Tahap Penguasaan Kemahiran Berfikir Secara Kritis Pelajar Sains Tingkatan Empat di Daerah Kulai*. Dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains dan Matematik 2008.
- Klibi, M. F. & Qussi, A. A. (2013). Skills and attributes needed for success in accounting career: do employers' expectations fit with students' perceptions? Evidence from Tunisia. *International Journal of Business and Management*. 8(8): 118-132.
- Nik Azis, N. P & Noraini, I. (2008) *Perjuangan Memperkasakan Pendidikan Di Malaysia: Pengalaman 50 tahun Merdeka*. Selangor Darul Ehsan.
- Nitin, B. & Mamta, B. (2012). *Effective Communication and Soft Skill*. Dorling Kindersley (India). Pvt Ltd : Pearson Education.
- Parkay, F.W. & Stanford, B.H. (2010). *Becoming a*

- teacher*. (8th Edition). Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education.
- Pascarella, E.T. (2005). *How college affect students. A Third Decade of Research*. Vol. 2 Jossey-Bass: A Wiley Imprint.
- Rancangan Malaysia Kesepuluh*. (1990-2020). Diperoleh 1 Mei, 2016, dari Kementerian Pelajaran Malaysia: <http://www.moe.gov.my>.
- Sukatan Pelajaran Perakaunan STPM 2012* (2012). Diperoleh 30 April, 2016 dari Majlis Peperiksaan Malaysia: <http://www.mpm.edu.my/home>.
- Wawasan 2020 (1990-2020). Diperoleh 12 Mei, 2016 dari http://ms.wikipedia.org/wiki/Wawasan_2020.
- Wells, P., Geblic, P., Kranenburg, I. & Bygrave, J. 2009. Professional skills and capabilities of accounting graduates: the new zealand expectation gap? *Accounting Education: An International Journal* 18(4-5): 403-420.
- Will, R., Sue, W. & Deborah, M. E. (2005). Mapping generic skills curricula: A recommended methodology. *Journal of Further and Higher Education*. 29(3): 221-231.

Noor Lela bt Ahmad (Dr.)
 Jabatan Perakaunan dan Kewangan,
 Fakulti Pengurusan dan Ekonomi,
 Unversiti Pendidikan Sultan Idris,
 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
 E-mel: noor.lela@fpe.upsi.edu.my

Rohala Yusof (Prof Madya Dr)
 Jabatan Perakaunan dan Kewangan,
 Fakulti Pengurusan dan Ekonomi,
 Unversiti Pendidikan Sultan Idris,
 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
 E-mel: rohaila@fpe.upsi.edu.my

Rosmini Ismail
 Jabatan Perakaunan dan Kewangan,
 Fakulti Pengurusan dan Ekonomi,
 Unversiti Pendidikan Sultan Idris,
 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
 E-mel: rosmini@fpe.upsi.edu.my